



NOTIS PEMBERITAHUAN

PERMIT MELETAKKAN BARANG DI KAKI LIMA PREMIS Sila Baca Notis Pemberitahuan ini untuk pematuhan

Dimaklumkan bahawa, Majlis telah meluluskan permit meletakkan barangan di kaki lima sebanyak 2 kaki. Sehubungan dengan itu, permohonan boleh dibuat dengan mendapatkan borang di kaunter Ibu Pejabat MBPJ, Lobi Menara MBPJ dan Pejabat Cawangan MBPJ Kota Damansara.

Syarat-syarat permit sementara meletakkan barangan di kaki lima adalah seperti berikut;-

- Kadar bayaran adalah RM1,080.00 setahun.
- Mengenakan cagaran sebanyak RM1,000.00 dan majlis boleh melucuthakkan keseluruhan cagaran sekiranya berlaku pelanggaran syarat permit.
- Setelah permohonan diluluskan, satu garisan akan dilekatkan di hadapan premis.
- Jenis jualan adalah barangan kering seperti bunga, surat khabar, kedai barangan logam, barangan elektrik, aksesori kenderaan, kedai hardware dan lain-lain barangan bersesuaian.
- Hanya dibenarkan meletakkan barangan jualan berkeluasan dalam lingkungan 2 kaki di hadapan premis.
- Tidak dibenarkan meletak barang-barang yang berbahaya seperti tong gas, minyak petrol, bahan kimia dan sebagainya.
- Barangan tidak boleh diletakkan di atas lantai dan mestilah diletakkan di atas rak mudah alih di dalam garisan yang telah diluluskan.
- Barangan yang diletakkan mestilah kemas dan tersusun.
- Perlu pastikan barangan diletakkan hanya satu baris sahaja supaya tidak mengganggu laluan awam.
- Sentiasa menjaga kebersihan.
- Pemilik premis dikehendaki menyimpan semula barangan jualan ke dalam premis selepas tamat waktu perniagaan.
- Permit ini bersifat sementara dan perlu diperbaharui setelah tamat tempoh yang dibenarkan.
- Tidak menghalang laluan OKU dan laluan awam
- Permit ini boleh ditarik / tidak diperbaharui sekiranya terdapat keperluan berbuat demikian.
- Majlis tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kecederaan atau kemalangan yang disebabkan oleh barangan yang diletakkan di kaki lima premis.
- Pihak Majlis boleh menetapkan syarat-syarat lain yang dirasakan perlu.

Sekiranya terdapat barangan yang diletakkan di kaki lima premis tanpa kebenaran Majlis, tindakan penguatkuasaan akan diambil tanpa sebarang notis.



SOP PERMOHONAN PERMIT SEMENTARA PERNIAGAAN DI SIAR KAKI LIMA PREMIS

